

SISTERHOOD POLITICAL SOLIDARITY DALAM BLACK WIDOW-WAJAH AYU (1994) ARAHAN U-WEI HAJI SAARI

NUR AZLIZA MOHD NOR
Universiti Kebangsaan Malaysia
liza85nor@gmail.com

NUR AFIFAH VANITHA ABDULLAH
Universiti Kebangsaan Malaysia
nurafifah@ukm.edu.my

ABSTRAK

Filem *Black Widow-Wajah Ayu* (1994) adalah arahan sutradara prolifik U-Wei Haji Saari. Filem ini adalah adaptasi daripada novel popular karya Raja Azmi Raja Sulaiman, berjudul *Black Widow* yang diterbitkan pada tahun 1993. Filem ini memaparkan tentang watak protagonis Mas Ayu yang berkerjaya tetapi pada masa yang sama perlu berhadapan dengan kecaman dan penindasan daripada masyarakat hanya kerana bergelar sebagai anak 'luar nikah'. Sehubungan dengan itu, artikel ini mengaplikasikan teori *sisterhood political solidarity* yang dianjurkan oleh Hooks (1993), dengan berlandaskan dua konsep iaitu struktur institusi sosial dan seksisme. Bentuk-bentuk seksisme (diskriminasi, eksploitasi dan penindasan) pula dianalisis berdasarkan dua konteks iaitu hubungan protagonis wanita dengan watak-watak wanita, dan hubungan protagonis wanita dengan watak-watak lelaki. Artikel ini bertujuan menjawab persoalan, 'bagaimanakah struktur institusi sosial masyarakat Melayu menjadi dasar kepada bentuk-bentuk seksisme yang dialami oleh watak protagonis Mas Ayu dalam filem *Black Widow-Wajah Ayu* (1994)?' Maka, data bagi kajian ini adalah berbentuk *fundamental* dengan reka bentuk kajian kualitatif. Instrumen utama bagi memperoleh data adalah menerusi analisis kandungan terhadap filem *Black Widow Wajah Ayu*, dan bahan-bahan yang berkaitan seperti artikel jurnal, tesis, bab dalam buku, majalah serta akhbar. Selari dengan pandangan Hooks, dapatan mengesahkan bahawa institusi keluarga yang berasaskan sistem patriarki yang lemah, tidak terkawal dan mementingkan diri adalah penyebab kepada Mas Ayu yang berhadapan dengan bentuk-bentuk seksisme. Penemuan turut menunjukkan bahawa bentuk-bentuk seksisme lebih banyak berlaku dalam hubungan Mas Ayu dengan watak-watak lelaki berbanding hubungannya dengan watak-watak wanita. Malah, bukan sahaja Mas Ayu yang perlu berhadapan dengan seksisme, tetapi dia turut melakukan seksisme kepada orang lain terutama dalam hubungannya dengan watak-watak lelaki.

Kata kunci: feminisme; *sisterhood political solidarity*; kritikan filem melayu; *black widow-wajah ayu*; U-Wei Haji Saari.

SISTERHOOD POLITICAL SOLIDARITY IN BLACK WIDOW-WAJAH AYU (1994) DIRECTED BY U-WEI HAJI SAARI ABSTRACT

Black Widow-Wajah Ayu (1994) film was directed by prolific director U-Wei Haji Saari. This film was adapted from a bestseller novel *Black Widow* written by Raja Azmi Raja Sulaiman in

1993. This film is about protagonist character Mas Ayu who has a career but at the same time facing with criticism and oppression from society just because being born as an illegitimate child. In this regard, this article applies sisterhood political solidarity theory by Hooks (1993) based on two concepts namely the structure of social institutions and sexism. The forms of sexism (discrimination, exploitation and oppression) are analyzed based on two contexts of the protagonist of women with female characters and the female protagonist's relation with a male character. This article aims to answer questions on 'how the structure of social institution of Malay society become basic of sexism forms experienced by protagonist Mas Ayu in the *Black Widow-Wajah Ayu* film (1994)?'. Therefore, the data for this study is fundamental research with qualitative study approach. The main instrument for data collecting is through content analysis from *Black Widow- Wajah Ayu* film and related material such as journal articles, thesis, book chapter, magazine and newspaper. Through Hooks's view, the findings confirm that family-based institution which based on the weak patriarchal system, uncontrolled and selfish is the cause Mas Ayu faced the forms of sexism. The findings also show that the forms of sexism more in Mas Ayu's relationship with male characters than relation to female characters. In fact, Mas Ayu not only facing with sexism but she also did sexism to others, especially in her relation with male characters.

Keywords: feminism; sisterhood political solidarity; malay film criticism; black widow-wajah ayu; U-Wei Haji Saari.

PENGENALAN

Black Widow-Wajah Ayu (1994) adalah filem kedua arahan sutradara prolifik U-Wei Haji Saari. Filem ini adalah filemnya yang pertama daripada adaptasi sebuah novel yang penuh kontroversi berikutan kandungannya yang mempunyai unsur-unsur seksual iaitu *Black Widow* (1993) karya, Raja Azmi Raja Sulaiman. Filem sulungnya, *Perempuan, Isteri & ...* (1993) yang bukan sahaja berjaya mencuri perhatian para penonton, justeru turut diiktiraf dalam festival filem peringkat nasional, secara tidak langsung telah menarik perhatian Raja Azmi selaku produser. Oleh itu, U-Wei ditawarkan sebagai pengarah kepada filem pertama terbitan Raja Azmi di bawah syarikat produksinya. Setahun kemudiannya, filem ini berjaya ditayangkan di pawagam seluruh Malaysia. Walau bagaimanapun, kejayaan yang diharap-harapkan untuk filem ini tidak menjadi kenyataan kerana terdapat beberapa kelemahan dan kekurangan yang diakui sendiri oleh U-Wei dan produsernya. Filem ini hanya sekadar mewarnai industri filem tempatan dengan menambahkan bilangan jumlah filem yang sedia ada, tanpa sebarang kejayaan sama ada mencapai kutipan pecah panggung, mahupun pengiktirafan daripada mana-mana festival filem yang disertai. Meskipun filem ini mengutarakan tentang isu-isu yang sensitif iaitu zina, seks bebas dan anak 'luar nikah', tetapi filem ini kurang mencetuskan kontroversi. Hal ini demikian kerana filem seperti ini telah dipaparkan lebih awal lagi oleh U-Wei menerusi filem pertamanya, *Perempuan, Isteri & ...* (1993). Namun begitu, kehadiran filem ini secara tidak sedar, memperlihatkan pembaharuan imej watak wanita dalam filem Melayu yang dulunya digambarkan sebagai sensitif, pasif, stereotaip, bersikap patuh, saling bergantung dan hanya terlibat dalam ruang domestik sahaja (Anon, 2013; A. Wahab, 1994)

Sehubungan dengan itu, filem ini ditunjangi oleh watak protagonis Mas Ayu dan dibantu dengan watak-watak lain seperti Aton, Jalil dan Imran. Mas Ayu digarap sebagai seorang wanita yang mempunyai sejarah silam sebagai anak 'luar nikah' daripada hubungan sulit ibunya, Aton dengan lelaki yang bernama Tapa. Biarpun begitu, satu perubahan yang ketara dalam hidupnya apabila digambarkan sebagai wanita yang berkerjaya iaitu pramugari, moden, berdikari dan berfikiran terbuka. Selain itu, Mas Ayu turut di representasi sebagai wanita yang berhati mulia, merendah diri serta menghormati individu-individu di sekelilingnya. Walau bagaimanapun, Mas Ayu bukanlah wanita sempurna seperti yang

dianggap oleh ibu, rakan-rakan dan segelintir masyarakat. Hal ini demikian kerana Mas Ayu telah terjebak dengan hubungan seks di luar pernikahan dengan kekasih-kekasihnya sehingga Mas Ayu hamil anak 'luar nikah'. Maka, perilaku Mas Ayu ini secara terang-terangan adalah abnormal atau dalam erti kata yang lain bertentangan dengan norma-norma masyarakat Melayu dan Islam. Lanjutan itu, permasalahan kajian ini adalah tentang kecaman dan penindasan yang dihadapi oleh Mas Ayu daripada individu perseorangan dan masyarakat sekeliling hanya kerana dia bergelar sebagai anak 'tak sah taraf'. Menurut teori *sisterhood political solidarity* yang dikemukakan oleh Hooks (1993), struktur institusi sosial adalah penyebab kepada seksisme iaitu sikap diskriminasi yang berasaskan jantina. Oleh itu, artikel ini berhasrat menjawab persoalan, 'bagaimanakah struktur institusi sosial masyarakat Melayu menjadi dasar kepada bentuk-bentuk seksisme yang dialami oleh watak protagonis Mas Ayu dalam filem *Black Widow-Wajah Ayu* (1994)?' Sejalan dengan itu, objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti sama ada struktur institusi sosial benar-benar menjadi penyebab kepada perlakuan menyimpang Mas Ayu ini atau sebaliknya.

SOROTAN LITERATUR

Kajian tentang wanita telah berkembang luas iaitu merangkumi pelbagai bidang pengkajian di Malaysia. Bukan sahaja meliputi bidang perfileman, budaya malah dalam bidang kesusasteraan Melayu (Aishah@ Eshah & Abd. Aziz, 2011; Chen & Mawar, 2017; Nor Suhada & Shaiful Bahri, 2017). Merujuk kepada wacana ini, artikel ini memberi tumpuan kepada watak protagonis wanita Melayu Islam dengan mengaplikasikan konsep-konsep yang dipelopori oleh Hooks (1993) di bawah teori feminisme. Lanjutan itu, terdapat sejumlah penulisan oleh sarjana-sarjana tempatan yang mengkaji tentang watak wanita sebagai subjek kajian dengan mengaplikasikan teori feminisme (Ngo, 2010; Mohd Ghazali, 2005; Mohd Helmi & Jamaluddin, 2018; Nor Aida & Nasihah, 2015; Nur Azliza & Nur Afifah Vanitha, 2016). Selain itu, tidak kurang juga sarjana-sarjana luar negara yang mengaplikasikan teori feminisme dengan memfokuskan kepada filem-filem *Hollywood* (Dutt, 2014; Nash, 1994; Viteo, 2012).

Selari dengan artikel ini, maka setakat ini terdapat empat bentuk penulisan dalam tesis di peringkat Doktor Falsafah dan Sarjana, artikel jurnal dan kertas kerja prosiding yang menganalisis filem *Black Widow Wajah Ayu* (1994) (Hanita, 2011; Ngo 2003; Nur Azliza et al., 2016; Nur Azliza & Nur Afifah Vanitha, 2017; Nur Azliza & Nur Afifah Vanitha, 2017; Nur Azliza & Nur Afifah Vanitha, 2018). Penulisan-penulisan tersebut membincangkan tentang representasi wanita dalam filem bergenre melodrama, seksualiti wanita, seksisme, korpus ilmu, sorotan kajian lepas dan identiti wanita.

Oleh itu, memandangkan kajian ini mengaplikasikan teori *sisterhood political solidarity* yang dipelopori oleh Hooks (1993), maka hanya penulisan oleh Nur Azliza et al. (2016) dan Pia Thielmann (2000) yang dibincangkan dalam artikel ini. Hal ini demikian kerana salah satu daripada penulisan tersebut sememangnya dilaksanakan dalam bidang pengkajian filem. Sementara, satu penulisan lagi dilakukan dalam kajian kesusasteraan yang merupakan bidang yang hampir dengan artikel ini.

Nur Azliza et al. (2016) telah melaksanakan kertas kerja prosidingnya yang berjudul, "Seksisme dalam Filem *Black Widow-Wajah Ayu* (1994) arahan U-Wei Haji Saari". Kajiannya bersandarkan kepada permasalahan tentang cabaran wanita Melayu iaitu Mas Ayu yang berkerjaya tetapi bertindak bebas dengan melanggar norma-norma yang ditetapkan dalam masyarakat. Oleh itu, kajiannya mengaplikasikan teori Hooks (1993) iaitu *sisterhood political solidarity* dengan mengaplikasikan konsep seksisme iaitu eksploitasi, diskriminasi dan penindasan. Sejalan dengan itu, kertas kerja ini bertujuan menjawab persoalan, 'apakah bentuk seksisme dalam masyarakat Melayu yang dipaparkan oleh U-Wei dalam filem *Black Widow-Wajah Ayu* (1994)?' Data bagi kajian ini berbentuk kajian asas dengan pendekatan kualitatif.

Dapatan kajian mendedahkan bahawa seksisme hadir dalam budaya masyarakat Melayu dan ianya selari dengan pandangan yang dikemukakan oleh Hooks (1993). Penemuan turut membuktikan bahawa hubungan protagonis wanita dan watak-watak lelaki, serta protagonis wanita dengan watak-watak wanita dalam masyarakat Melayu hadir disebabkan oleh struktur institusi sosial yang berlandaskan budaya patriarki. Titik persamaan kedua-dua kajian ini apabila memilih filem kedua U-Wei ini sebagai kajian kes. Sementara perbezaan kedua-duanya apabila kertas kerjanya tidak membincangkan sama sekali tentang struktur institusi sosial yang menjadi punca tindakan Mas Ayu yang menyimpang. Sedangkan wacana ini pula membincangkan secara terperinci tentang struktur institusi sosial dalam filem ini iaitu keluarga yang dijangkakan menjadi punca dan penyebab kepada segala tindak-tanduk Mas Ayu.

“*Hotbeds: Black-white Love and Its Representations in Selected Contemporary Novels from the United States, Africa and the Caribbean*” adalah tesis yang disempurnakan oleh Pia Thielmann (2000) di peringkat Doktor Falsafah. Pernyataan masalahnya tentang sejumlah novel yang seolah-olah progresif (sastera kontemporari) masih berhadapan dengan stereotaip perkauman. Pengkaji ini mengaplikasikan tiga teori sebagai alat analisis iaitu teori feminis Afrika-Amerika oleh Hooks dan teori yang diperkenalkan oleh Ngugi wa Thiong’o serta Patricia Mcfadden. Selari dengan itu, objektif kajiannya adalah untuk merungkaikan perubahan dan faktor-faktor seperti serantau dan kelas berdasarkan representasi watak-watak yang ditampilkan. Data bagi kajian ini adalah bersandarkan kepada kajian jenis *fundamental* dengan pendekatan kualitatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa setiap novel yang dipaparkan adalah bersifat politik, tidak kira sama ada watak-watak yang revolusioner politik atau individu yang mencari sebuah keamanan. Penemuan turut mengesahkan sejarah politik (kawasan asal membentuk watak-watak tersebut) merupakan pilihan dan sikap terhadap kaum atau bangsa-bangsa lain. Dapatan terakhir kajian ini membuktikan bahawa berdasarkan novel-novel tersebut, hubungan antara wanita kulit hitam dan wanita kulit putih tidak terancam sama sekali sepertimana yang berlaku di alam realiti. Tidak dinafikan bahawa kedua-dua kajian ini mempunyai persamaan dari sudut pemilihan metode kajian. Sementara perbezaan kedua-duanya pula apabila kajiannya mengkaji tiga buah novel daripada tiga negara yang berbeza, sedangkan kajian ini hanya membataskan kepada satu filem Melayu sahaja.

Berdasarkan kajian-kajian lepas yang diperbincangkan di atas, didapati masih terdapat kelompangan yang perlu dirungkaikan dalam filem *Black Widow-Wajah Ayu* (1994). Oleh yang demikian, tujuan artikel yang dijalankan ini didapati relevan dalam membantu menyumbangkan pemahaman sebenar tentang tindakan watak protagonis wanita U-Wei ini dalam bidang kajian perfileman.

METODOLOGI KAJIAN

Bagi menjawab persoalan kajian ini, maka data-data diperoleh dari kajian jenis *fundamental* dengan pendekatan kualitatif. Analisis kandungan adalah instrumen utama untuk mengumpulkan data, yang mengangkat watak protagonis kedua U-Wei sebagai subjek kajian. Oleh itu, bahan-bahan bercetak dan digital diperoleh dari perpustakaan serta menerusi online. Bahan-bahan yang dijadikan sumber rujukan termasuklah artikel jurnal, buku, bab dalam buku, tesis, majalah, kertas kerja prosiding dan keratan akhbar. Penulisan-penulisan tersebut adalah merangkumi maklumat-maklumat tentang latar belakang U-Wei Haji Saari, sorotan literatur filem *Black Widow-Wajah Ayu* (1994), penulisan-penulisan lepas tentang wanita, kajian-kajian yang mengaplikasikan teori feminisme, kajian lepas tentang pengaplikasian teori *sisterhood political solidarity* oleh Hooks (1993) dan bahan-bahan yang berkaitan dengan artikel ini. Selain itu, analisis teks secara mendalam turut dilakukan ke atas filem *Black Widow-Wajah Ayu* (1994).

Sepertimana yang telah dinyatakan dalam bahagian sorotan literatur, sebelum ini terdapat penulisan-penulisan berbentuk ilmiah yang mengkaji tentang watak ini dari sudut seksualiti dan representasi imej iaitu oleh Ngo (2003) dan Hanita (2011). Walau bagaimanapun, masih tiada satu kajian yang meneliti atau merungkaikan faktor penyebab watak protagonis Mas Ayu ini berkelakuan menyimpang apabila sengaja berzina sehingga hamil anak 'luar nikah'. Oleh sebab itu, filem *Black Widow-Wajah Ayu* (1994) arahan U-Wei dipilih sebagai kajian kes untuk merungkaikan fenomena tersebut.

Lanjutan itu, artikel ini mengaplikasikan konsep-konsep dalam teori *sisterhood political solidarity* oleh Hooks (1993) yang merupakan susur galur daripada teori feminisme. Teori yang dikemukakan oleh Hooks ini sebenarnya menyentuh tentang wanita kulit hitam dan kulit putih, atau antara wanita *Anglo-American* dan wanita *Hispanic*, atau antara dua wanita yang berbeza pandangan. Secara jelasnya, *sisterhood political solidarity* menjurus kepada persatuan wanita yang didasarkan kepada gerakan politik tanpa mengira sebarang bentuk perbezaan. Walau bagaimanapun, hal ini tidak bermakna bahawa teori ini tidak relevan diaplikasikan kerana konsep-konsep yang dikemukakan masih lagi bersesuaian dalam membantu menjawab kepada persoalan kajian bagi artikel ini.

Terdapat tiga konsep dalam teori ini. Pertama; struktur institusi sosial, kedua; kesamaan penindasan (*common oppression*) dan ketiga; sumber dan kekuatan ikatan. Berdasarkan konsep pertama, sebarang bentuk ketidakadilan adalah berpunca daripada struktur institusi sosial itu sendiri yang diterajui oleh individu atau kumpulan yang ingin menguasai, mengeksploitasi dan menindas. Hooks menjelaskan bahawa dalam situasi ini bukan sahaja struktur institusi sosial tersebut sahaja yang harus dipersalahkan, malah 'mangsa' juga turut bersalah kerana tindakan dan sikap mereka yang tanpa sedar telah mendorong berlakunya bentuk-bentuk seksisme. Seterusnya, konsep kedua adalah kesamaan penindasan yang merangkumi empat elemen iaitu sikap *sexist* (*sexist attitudes*), perkauman (*racism*), keistimewaan kelas (*class privilege*) dan prasangka (*prejudices*). Sekiranya keempat-empat bentuk ini disingkirkan dan ditamatkan, maka Hooks mengatakan bahawa ikatan sesama wanita dapat diwujudkan. Konsep terakhir yang diutarakan oleh Hooks adalah kekuatan dan sumber ikatan yang amat disarankan dalam kalangan wanita kerana ianya merupakan inti pati kepada *sisterhood*. Sepertimana yang diutarakan oleh Hooks, kesatuan politik dapat dilaksanakan dan dibangunkan sekiranya wujud tindakan atau inisiatif golongan wanita untuk menamatkan sikap-sikap yang tidak memberi sebarang keuntungan kepada mereka.

Sementara itu, seksisme pula merupakan perkara asas dalam kerangka teori ini. Seperti juga lelaki, diskriminasi, eksploitasi dan penindasan turut wujud dalam hubungan sesama wanita. Antara faktor yang menyebabkan seksisme perlu dihapuskan seperti yang ditegaskan oleh Hooks kerana seksisme mendorong wanita menjadi objek seks kepada lelaki, mengurangkan peranan sebagai ibu bapa dengan meningkatkan nilai kerjaya dan memegang peranan sebagai individu yang berkuasa atau menurut kata (tidak melawan). Selain itu, perasaan sangsi, sikap mempertahankan dan persaingan wujud dalam diri wanita terhadap wanita lain, yang akhirnya menyebabkan mereka berasa terancam dan timbul perasaan benci sesama mereka. Tambah Hooks lagi, bentuk-bentuk seksisme yang menghalang perhubungan sesama wanita sebaik-baiknya perlu dihapuskan, dibanteras dan ditinggalkan supaya pergerakan feminisme dapat dimajukan.

Biarpun begitu, kerangka teori ini tidak dapat diaplikasikan sepenuhnya sebagai alat analisis kerana lebih memberi tumpuan kepada organisasi wanita atau pergerakan yang terbentuk secara sedar untuk menamatkan seksisme. Perkara ini membawa maksud bahawa wujud persatuan yang berdaftar yang terdiri daripada penaung, ahli-ahli dan mempunyai matlamat penubuhan yang jelas. Walau bagaimanapun, watak protagonis dalam filem *Black Widow-Wajah Ayu* (1994) ini tidak tergolong dalam pergerakan tersebut. Hal ini demikian kerana watak tersebut cenderung untuk mencapai matlamat peribadi dan pencapaian bersama-

sama dengan individu-individu yang hampir dengannya sahaja seperti ahli keluarga. Lanjutan itu, konsep-konsep yang sesuai diaplikasikan dalam artikel ini iaitu dalam konteks kajian filem Melayu adalah struktur institusi sosial dan seksisme. Maka, struktur institusi sosial yang terdapat dalam filem ini dianalisis bagi mengesahkan penyebab kepada watak protagonis wanita yang terpaksa berhadapan dengan bentuk-bentuk seksisme. Kehadiran bentuk-bentuk seksisme tersebut pula dianalisis dalam hubungan Mas Ayu dengan watak-watak wanita dan hubungan Mas Ayu dengan watak-watak lelaki secara individu. Selain itu, hubungan Mas Ayu dengan kelompok masyarakat turut diambil kira kerana Mas Ayu juga memegang peranan sebagai anggota masyarakat.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Perbincangan artikel ini adalah terbahagi kepada empat bahagian yang utama. Pertama; latar belakang watak protagonis wanita dan lain-lain watak, kedua; struktur institusi sosial, ketiga; hubungan watak protagonis wanita dengan watak-watak wanita dan keempat; hubungan watak protagonis wanita dengan watak-watak lelaki. Hubungan watak Mas Ayu dengan watak-watak wanita terdiri daripada ahli keluarga, rakan-rakan dan masyarakat sekeliling. Sementara, hubungan Mas Ayu dengan watak-watak lelaki pula merangkumi ahli keluarga, rakan-rakan, guru sekolah, kekasih dan masyarakat sekitarnya. Perbincangan tersebut didapati adalah sesuai dan berkesan untuk merungkaikan tentang struktur institusi sosial sebagai punca Mas Ayu yang berhadapan dengan pelbagai bentuk seksisme.

Latar Belakang Watak Protagonis Wanita Dan Lain-Lain Watak

Protagonis wanita dalam filem ini adalah Mas Ayu, yang merupakan wanita Melayu beragama Islam dan berumur dalam lingkungan awal 20-an. Wanita yang mempunyai paras rupa yang jelita ini mempunyai tahap pendidikan hanya di peringkat sekolah menengah. Selain itu, Mas Ayu adalah anak 'luar nikah' daripada hubungan zina, ibunya iaitu Aton yang ketika itu sudah bergelar isteri kepada Dollah, dengan seorang pemuda yang bekerja sebagai tukang kebun datuknya iaitu Agus. Mas Ayu juga mempunyai sejarah silam yang begitu menyayat hati apabila dia telah diperkosa oleh teman persekolahannya iaitu Murat. Kejadian tersebut berpunca gara-gara pemuda tersebut cemburu apabila wanita yang dicintainya cuba dipikat oleh seorang guru muda di sekolahnya iaitu Cikgu Ng.

Selepas tamat alam persekolahan, Mas Ayu membawa diri ke bandar kerana mendapat peluang pekerjaan sebagai pramugari. Melalui penghijrahannya itu, kenalan Mas Ayu semakin bertambah dan meluas, misalnya, dengan rakan-rakan sekerjanya. Bukan sahaja rakan wanita, malah Mas Ayu pernah mempunyai teman lelaki misalnya, kekasihnya seorang penjenayah dan Nazri, yang bergelar juru terbang. Setelah hubungan dengan kedua-dua lelaki tersebut berakhir, Mas Ayu berkenalan pula dengan pasangan adik-beradik iaitu Imran, seorang ahli perniagaan yang berjaya dan Jalil, seorang pelukis yang mengembangkan kariernya di luar negara. Selain itu, Mas Ayu turut mempunyai kenalan yang mempunyai jarak umur yang jauh berbeza dengannya iaitu Encik Mc'Lyord. Pada masa yang sama, Mas Ayu turut mengenali anak kepada ahli perniagaan tersebut iaitu Maria yang merupakan wanita *urban* dan umurnya dianggarkan hampir seusia dengan Mas Ayu. Selanjutnya, Mas Ayu juga telah diperkenalkan oleh Jalil dengan ibu bapanya, yang juga merangkap orang tua Imran. Kedua-duanya yang bergelar Dato' dan Datin adalah berasal dari golongan kaya dan terhormat. Selain itu, Mas Ayu turut diperkenalkan dengan satu-satunya anak perempuan pasangan tersebut yang bernama Ani, berumur dalam lingkungan belasan tahun.

Mas Ayu yang bergelar anak jati kampung, cukup dikenali oleh penduduk-penduduk kampungnya. Termasuklah dari peringkat tertinggi seperti ketua kampung iaitu Tuan Haji

Shamsuddin dan ahli-ahli jawatankuasa penduduk yang lain. Selain itu, sejak dari alam persekolahan lagi, Mas Ayu mempunyai teman rapat iaitu Shida yang masih menetap di kampung kerana bernikah dengan temannya, Faisal dan mereka dikurniakan dua orang cahaya mata. Walau bagaimanapun, sebagai manusia biasa tidak semua yang menyukai dan menyenangi kehadiran Mas Ayu. Hanya kerana memegang gelaran sebagai anak 'luar nikah', Mas Ayu sering menjadi mangsa kejian dan hinaan oleh segelintir masyarakat kampung seperti Kasim dan Lazim. Disebabkan Mas Ayu sering berhadapan dengan tragedi kekasih-kekasihnya yang mati dalam kecelakaan, maka ibunya, Aton memperkenalkannya dengan seorang bomoh wanita iaitu Mak Siah. Tujuannya adalah semata-mata untuk mengubati segala nasib malang yang menimpa Mas Ayu.

Meskipun watak-watak lain sekadar memegang peranan sebagai watak pembantu atau sampingan, tetapi watak-watak tersebut secara tidak langsung membantu mengembangkan lagi watak protagonis Mas Ayu. Bukan sekadar menjadi lebih kompleks, tetapi membentuk sahsiah dan keperibadian diri watak tersebut.

Struktur Institusi Sosial

Struktur institusi sosial bagi masyarakat Melayu adalah berdasarkan sistem patriarki apabila lelaki bertindak sebagai ketua. Oleh itu, perkataan patriarki secara harfiah merujuk kepada pemerintahan bapa dan pada asalnya istilah tersebut digunakan untuk menggambarkan sesuatu yang khusus seperti keluarga yang dikuasai lelaki. Walau bagaimanapun, hal ini tidak bermakna wanita sama sekali tidak berdaya atau tidak mendapat hak, pengaruh mahupun sumber (Lerner, 1989).

Dengan itu, pola autoriti dalam keluarga yang melibatkan watak protagonis Mas Ayu adalah terdiri daripada sistem patriarki. Biarpun begitu, struktur institusi keluarga Mas Ayu berbeza kerana Mas Ayu lahir sebagai anak 'tak sah taraf' daripada hubungan zina, Aton dengan Agus. Terjadinya perkara terlarang tersebut bermula apabila bapa Aton iaitu Pak Dek memaksa Aton bernikah dengan calon pilihannya iaitu Dollah. Pemuda tersebut berasal daripada golongan yang dihormati dan disegani di kampung. Sedangkan, pada ketika itu Aton sudah mempunyai pilihannya sendiri iaitu Agus. Aton terpaksa menerima pilihan bapanya tetapi pada masa yang sama, dia masih tidak dapat melupakan dan menepis perasaan cintanya kepada Agus. Semasa ketiadaan bapa dan suaminya, Aton pergi menemui Agus yang tinggal di sebuah pondok di belakang rumahnya. Pertemuan tersebut menyebabkan mereka terlanjur berzina. Dollah dan Pak Dek yang melihat Aton tiada di rumah, berusaha mencari wanita tersebut. Akhirnya mereka terkejut apabila mendapati Aton dan Agus berdua-duaan di dalam sebuah pondok. Bapa Aton meninggal dunia kerana terkejut dengan tindakan anak tunggalnya itu. Agus yang sedar melakukan kesilapan apabila berzina dengan isteri orang akhirnya meninggalkan kampung. Namun demikian, Agus mati apabila terlibat dalam kemalangan jalan raya. Sementara Dollah pula turut meninggal dunia apabila dia menghadapi penyakit misteri selepas beberapa bulan berlakunya peristiwa isterinya yang curang. Hasil daripada hubungan zina tersebut mengakibatkan Aton hamil anak Agus dan kemudian lahirlah bayi perempuan yang diberi nama Mas Ayu. Mas Ayu adalah anak tunggal kepada Aton kerana sepanjang pernikahannya dengan Dollah, dia tidak dikurniakan zuriat yang lain kerana Dollah berhadapan dengan penyakit 'mandul'. Sehubungan dengan itu, Mas Ayu diasuh, dibesarkan dan dididik oleh ibunya sahaja. Walau bagaimanapun, didikan Aton kepada anaknya lebih berpegang kepada adat dan kepercayaan serta kurang menekankan tentang didikan agama yang sebenar. Hal ini bertitik-tolak daripada Aton yang masih lagi dihantui dengan kisah silam tentang kematian bapanya iaitu Pak Dek, suaminya, Dollah dan kekasihnya, Tapa sehingga dia menganggap kejadian yang menimpa Mas Ayu adalah 'sumpahan' di atas dosa-dosanya selama ini.

Setelah Mas Ayu bernikah dengan Jalil, suaminya turut tidak melaksanakan tanggungjawabnya sebagai suami seperti yang dikehendaki Islam. Misalnya, Jalil kurang mengambil tahu tentang impian Mas Ayu yang mahu merealisasikan pembinaan klinik di kampungnya. Maka, isterinya telah keluar dari rumah dengan meminta bantuan daripada lelaki-lelaki yang bukan dalam kalangan ahli keluarganya. Selain itu, sepanjang kehamilan isterinya, Jalil mengambil peluang bertugas di luar negara. Jalil hanya pulang ke Malaysia di saat-saat isterinya sudah sampai masa untuk melahirkan anak. Walau bagaimanapun, kesedaran Jalil timbul untuk menemani isterinya kerana ianya adalah satu-satunya permintaan Mas Ayu sebelum dia berangkat ke luar negara.

Hubungan Protagonis Wanita dengan Watak-Watak Wanita

Ahli Keluarga

Hubungan Mas Ayu yang pertama adalah hubungannya dengan ibunya, Aton. Sebagai seorang ibu, Aton terlalu bimbang masa depan anak gadisnya yang masih belum bernikah. Sedangkan, sahabat Mas Ayu yang lain kebanyakannya sudah mendirikan rumahtangga. Hal ini berpunca daripada Mas Ayu yang setiap kali menjalinkan hubungan, teman-teman lelaki Mas Ayu pasti menemui ajal. Kegusaran Aton semakin bertambah sekiranya hal yang berlaku bukanlah secara kebetulan atau suratan takdir. Sebaliknya, mempunyai kaitan dengan nasib 'malang' yang menimpa dirinya lebih 20 tahun yang lalu. Oleh itu, Aton telah memujuk dan menemani Mas Ayu untuk menjalani rawatan membuang segala 'sumpahan' dengan bertemu bomoh kampung yang bernama Mak Siah. Aton juga menyokong hasrat anaknya yang mahu membina klinik di kampung halamannya sebagai satu ikhtiar untuk memulihkan nasib buruk anaknya. Bahkan, Aton juga sanggup bersabung nyawa apabila dia cuba menyelamatkan klinik hasil usaha Mas Ayu daripada di bakar oleh segelintir individu yang tidak bertanggungjawab. Lanjutan itu, secara terang-terangan hubungan Mas Ayu dengan ibunya tidak wujud sama sekali bentuk-bentuk seksisme. Sebaliknya, segala yang dilakukan Aton lebih menjurus kepada rasa kasih, sayang dan mahukan yang terbaik buat satu-satu zuriatnya iaitu Mas Ayu.

Seterusnya, hubungan Mas Ayu yang kedua dalam konteks ini adalah hubungannya dengan ibu mentuanya. Meskipun wujud jurang atau status yang ketara antara mereka, namun ianya tidak menjadi penghalang buat Mas Ayu untuk diterima oleh ibu mentuanya. Sebelum bernikah lagi, Mas Ayu sudah diperkenalkan dengan bakal ibu mentuanya oleh Jalil. Wanita tersebut tidak bersikap sombong, apatah lagi prejudis terhadap Mas Ayu. Selepas pertemuan pada pertama kali itu, Mas Ayu diterima dengan baik sebagai tetamu. Ibu mentuanya turut menyokong hubungan anaknya dengan Mas Ayu sekiranya Jalil benar-benar menyukai gadis tersebut. Setelah Mas Ayu dan Jalil bernikah, ibu mentuanya mengambil berat tentang Mas Ayu apabila membawa anak menantunya bertemu dengan doktor sebagai rutin pemeriksaan biasa untuk ibu yang hamil. Bantuan tersebut dihulurkan memandangkan suami Mas Ayu bekerja di luar negara. Selain itu, ketika majlis perasmian Klinik Dang Wangi oleh Mas Ayu, ibu mentuanya turut memberi sokongan dengan menghadiri diri ke majlis tersebut. Adalah jelas bahawa meskipun ibu mentuanya mempunyai pangkat, keturunan dan kedudukan yang tinggi berbanding dirinya tetapi Mas Ayu tidak berhadapan dengan bentuk-bentuk seksisme dalam hubungan tersebut.

Hubungan Mas Ayu yang terakhir dalam konteks ini adalah hubungannya dengan adik iparnya yang bernama Ani. Pada awalnya, Ani mengesyaki ada sesuatu yang dirahsiakan oleh abang sulungnya, Imran kerana dia secara tidak sengaja ternampak abangnya keluar dari bilik Mas Ayu. Walau bagaimanapun, perasaan marah dan syak wasangka tersebut tidak berpanjangan. Hal ini disebabkan Imran mengambil inisiatif dengan memberikan alasan yang dirasakan paling munasabah kepada adik bongsunya itu. Setelah Mas Ayu menjadi sebahagian

daripada ahli keluarganya kerana telah bernikah dengan abang keduanya, Jalil, tiada sebarang konflik yang menjejaskan hubungan antara kedua-duanya. Sedangkan, Mas Ayu turut tinggal sebumbung dengan adik iparnya itu di rumah keluarga mentuanya. Ani turut menaruh simpati kepada Mas Ayu yang sarat mengandung tetapi abangnya, Jalil tiada di sisi untuk membantu segala kesukaran yang dihadapi kakak iparnya. Sepertimana ibunya, Ani turut memberi sokongan kepada Mas Ayu dengan menghadirkan diri ke majlis perasmian klinik yang menjadi impian Mas Ayu. Tidak syak lagi bahawa hubungan Mas Ayu dengan adik iparnya, Ani tidak wujud sebarang perselisihan dan pertentangan, apatah lagi berhadapan dengan bentuk-bentuk seksisme.

Rakan-Rakan

Seterusnya, perbincangan tentang watak Mas Ayu ini turut merangkumi hubungannya dengan rakan-rakan. Misalnya, kawan sekampungnya yang bernama Shida. Hubungan baik mereka bermula sejak dari zaman persekolahan dan sehinggalah sahabatnya itu mengambil keputusan untuk bernikah. Shida sama sekali tidak melupakan sahabatnya, Mas Ayu yang telah bersusah payah membantunya selama ini. Hal ini bermula apabila Shida hamil setelah terlanjur dengan kekasihnya, Faisal. Mas Ayu yang tidak mahu sahabatnya mendapat malu, malah bimbang jika sahabatnya melakukan tindakan-tindakan yang tidak masuk akal, akhirnya menghulurkan bantuan kewangan agar kedua-dua pasangan tersebut selamat dinikahkan. Bantuan Mas Ayu tidak terhenti setakat itu sahaja apabila setiap kali Shida melahirkan zuriatnya, Mas Ayu tidak berkira untuk memberikan bantuan kepada temannya itu. Oleh itu, tidak hairanlah jika Shida memberikan sokongan yang penuh kepada Mas Ayu apabila hadir ke majlis perasmian klinik sahabatnya itu. Apabila Mas Ayu meninggal dunia kerana mengalami komplikasi untuk melahirkan zuriatnya, Shida turut menangi pemergian Mas Ayu yang dianggap sebagai satu kehilangan besar dalam hidupnya. Secara jelasnya, berdasarkan hubungan Mas Ayu dengan sahabat sekampungnya ini sama sekali tidak wujud sebarang bentuk seksisme. Sama ada yang dilakukan oleh Mas Ayu kepada sahabatnya ataupun sebaliknya.

Selain itu, Mas Ayu turut mendapat sokongan daripada teman-teman sekerjanya yang bergelar pramugari. Misalnya, ketika Mas Ayu berhadapan dengan sebuah tragedi apabila kekasihnya yang tidak disangka-sangka sebenarnya adalah seorang gengster telah di tembak mati oleh sekumpulan penjenayah. Dalam hal ini, teman-temannya sedar bahawa Mas Ayu menjalinkan hubungan 'terlarang' dengan kekasihnya semasa hari kejadian berlakunya kemalangan tersebut. Walau bagaimanapun, hal tersebut tidak membuatkan mereka melakukan diskriminasi dengan mengecam, menghina atau mengemukakan soalan-soalan yang boleh menyentap perasaan Mas Ayu. Sebaliknya, mereka turut bersama-sama berkongsi tentang perasaan trauma serta bimbang apabila Mas Ayu nyaris terlibat dan dikaitkan dengan kejadian tersebut. Mereka juga menasihatkan Mas Ayu agar tidak menyalahkan diri di atas kemalangan yang telah terjadi. Mas Ayu yang memutuskan untuk pulang ke kampung bertujuan untuk menenangkan dirinya buat sementara waktu, akhirnya mendapat sokongan penuh daripada teman-temannya itu. Adalah didapati bahawa hubungan antara mereka adalah harmoni dan akrab dan tidak wujud sama sekali sikap berpura-pura, iri hati atau hasad dengki. Oleh sebab itu, tiada sebab untuk mereka mengenakan seksisme kepada satu sama lain.

Hubungan Mas Ayu yang seterusnya adalah hubungannya dengan Mak Siah, iaitu seorang bomoh di kampungnya. Biarpun wanita tua itu dapat meneka tentang penglibatan Mas Ayu dengan perkara-perkara yang tidak bermoral di bandar, namun Mak Siah sama sekali tidak membuka aib Mas Ayu kepada sesiapa pun. Termasuklah ibu kepada Mas Ayu iaitu Aton. Sehubungan dengan itu, Mak Siah menggunakan ilmu dan kepakarannya dengan mengubati Mas Ayu secara tradisional dengan seikhlas dan semampunya. Terdapat beberapa rawatan yang perlu dijalani oleh Mas Ayu. Misalnya, pada peringkat pertama Mas Ayu perlu menjalani rawatan mandi bunga pada bulan mengambang. Apabila Mas Ayu masih lagi ditimpa sesuatu

yang dianggap ‘malang’ oleh ibunya, Aton maka Mak Siah menyuruh pula Mas Ayu berikhtiar dengan mandi bunga di air terjun. Di samping itu, Mak Siah turut mencadangkan agar Mas Ayu melakukan amal jariah misalnya menderma atau bersedekah sebagai jalan bagi memulihkan masalah yang dihadapi. Tangkal hitam yang dipakai di pinggang Mas Ayu sebagai perlindungan diri dan menaikkan seri wajah merupakan sebahagian usaha yang dilakukan Mak Siah terhadap wanita tersebut. Walaupun, rawatan yang dilakukan Mak Siah adalah dikategorikan sebagai khurafat, tetapi hal ini tidak bermakna bahawa bomoh tersebut berniat untuk melakukan seksisme terhadap Mas Ayu ini.

Walaupun bagaimanapun, seksisme wujud dalam hubungan Mas Ayu dengan wanita yang berharta misalnya anak gadis kepada kenalannya yang bergelar jutawan iaitu Encik Mc’ Lyord. Diskriminasi berlaku apabila Maria bukan sahaja tidak melayani Mas Ayu sebagai tetamu yang hadir atas jemputan bapanya, malah menghina Mas Ayu sebagai ‘orang asing’. Mas Ayu yang menghulurkan tangan sebagai tanda perkenalan juga tidak disambut Maria. Dalam hal ini, Maria sengaja untuk membuatkan Mas Ayu berasa terhina. Lanjutan itu, layanan Maria tersebut secara tidak langsung menjatuhkan maruah Mas Ayu sebagai seorang wanita. Maria sengaja mencetuskan konflik dengan Mas Ayu tidak berhenti setakat itu sahaja. Hal ini demikian kerana selepas Mas Ayu bergelar isteri yang sah kepada Jalil, perbuatannya yang cuba menghubungi Encik Mc’ Lyord akhirnya diselar oleh Maria sebagai pengganggu kepada bapanya. Sedangkan, tujuan sebenar Mas Ayu bukanlah untuk menggoda Encik Mc’ Lyord sebaliknya hanya meminta bantuan kewangan bagi kelancaran pembinaan kliniknya di kampung. Sedangkan, sebelum ini Encik Mc’ Lyord pernah berjanji untuk membantu Mas Ayu sekiranya Mas Ayu berhadapan dengan kesulitan dalam melaksanakan projek pembinaan tersebut. Oleh itu, walaupun Mas Ayu berhadapan dengan seksisme yang dilakukan Maria, tetapi Mas Ayu tidak terlintas untuk membalas dendam sepertimana yang dilakukan wanita itu kepadanya.

Masyarakat

Hubungan Mas Ayu yang terakhir dalam konteks ini adalah hubungannya dengan kaum wanita di kampungnya. Walaupun bagaimanapun, kaum wanita amat bersetuju dengan kebajikan yang mahu dilakukan Mas Ayu iaitu membina klinik untuk kemudahan masyarakat di kampung. Mereka sama sekali tidak terpengaruh dengan anasir jahat yang mahu menentang usaha baik Mas Ayu. Selain itu, kaum wanita di kampungnya tetap menghadirkan diri di majlis perasmian klinik Mas Ayu, sedangkan kisah hidup Mas Ayu sebagai anak ‘luar nikah’ turut menular dalam kalangan mereka. Namun demikian, mereka tidak mengambil kira kisah lampau Mas Ayu, sebaliknya melayani dan menerima wanita tersebut sepertimana anggota masyarakat yang lain. Amat jelas bahawa kaum wanita di kampungnya tidak mengenakan seksisme kepada Mas Ayu, begitu juga Mas Ayu yang tidak pernah sesekali bertindak untuk mengambil kesempatan ke atas mereka.

Hubungan Protagonis Wanita dengan Watak-Watak Lelaki

Ahli Keluarga

Hubungan Mas Ayu yang pertama dalam bahagian ini adalah dengan bapa mentua, Dato’ Megat Hussin. Dato’ Megat bukan sahaja dikenali sebagai golongan yang berharta, malah berasal dari kalangan individu yang dihormati, selain kuat pegangan agamanya. Apabila Jalil menyuarakan hasrat untuk melamar Mas Ayu, bapanya terus sahaja bersetuju dengan niat murni anaknya itu. Dalam hal ini, bapa mentua Mas Ayu tidak pernah memandang rendah kepada Mas Ayu walaupun Mas Ayu berasal dari kampung dan dari golongan yang tidak sekufu dengannya. Pemilihan Mas Ayu sebagai calon menantu juga tidaklah terlalu rigid sehingga

pekerjaan dan gaya berpakaian Mas Ayu turut di ambil kira. Apabila Mas Ayu datang bertemu dengannya sebelum wanita itu bernikah dengan anak lelakinya, dia melayan Mas Ayu dengan baik sekali apabila bersikap ramah dan mesra. Bapa mentua Mas Ayu juga adalah seorang yang memahami apabila dia menghalang isterinya daripada berterusan bertanya tentang latar belakang Mas Ayu kerana bimbang jika gadis tersebut berasa tidak selesa, justeru terasa hati dengan soalan-soalan isterinya itu. Bapa mentuanya turut memberi sokongan terhadap kebajikan yang dilakukan anak menantunya itu dengan turut serta meraikan perasmian klinik impian Mas Ayu. Secara terang-terangan, bapa mentua Mas Ayu ini tidak mengenakan seksisme kepadanya, sebaliknya menerima Mas Ayu sebagai anak menantu dengan seadanya.

Rakan-Rakan, Guru Sekolah dan Kekasih

Hubungan Mas Ayu yang seterusnya adalah hubungannya dengan teman persekolahannya iaitu Murat. Dalam hal ini, wujud penindasan seksual apabila Mas Ayu menjadi mangsa perkosa. Kejadian malang tersebut bermula apabila Murat membuat helah untuk melakukan kerja secara berkumpulan di sebuah makmal sekolah yang kosong. Mas Ayu yang pada awalnya menolak, akhirnya terpedaya dengan ajakan daripada Murat. Apabila sedar sebenarnya Murat ingin memperkosanya, Mas Ayu berusaha mempertahankan diri dengan mengelak dan merontaronta untuk melepaskan diri. Sebagai golongan yang lemah, Mas Ayu tidak dapat menandingi kekuatan tenaga lelaki tersebut yang akhirnya menyebabkan dia tidak dapat mempertahankan kegadisannya. Lanjutan daripada penindasan seksual tersebut membawa kepada penindasan emosi yang amat dahsyat kepada Mas Ayu. Biarpun kejadian pemerkosaan tersebut telah lama berlalu tetapi hal tersebut menjadi igauan ngeri dalam hidupnya. Misalnya, apabila dia menyaksikan lakonan wanita yang menjadi mangsa rogol seorang lelaki ketika penggambaran filem milik syarikat produksi, Encik Mc'Lyord, Mas Ayu terbayangkan kejadian yang menyimpannya sewaktu di alam persekolahan. Oleh itu, meskipun perbuatan tersebut meninggalkan kesan yang cukup mendalam kepadanya, tetapi Mas Ayu tidak mengambil apa-apa pendekatan mahupun tindakan untuk membalas dendam terhadap pemuda terbabit.

Bukan sahaja hubungannya dengan teman-teman, malah Mas Ayu juga mempunyai hubungan dengan guru matematikanya iaitu Cikgu Ng yang boleh dikaitkan dengan isu ini. Namun begitu, Cikgu Ng adalah seorang guru yang tidak menunjukkan contoh yang baik kepada para pelajarnya apabila cuba mengambil kesempatan terhadap Mas Ayu. Kejadian ini bermula apabila Cikgu Ng menyarankan agar Mas Ayu mengambil kelas tambahan dengannya bagi tujuan untuk menyelesaikan masalah pembelajaran. Tambahan pula, Mas Ayu akan menghadapi peperiksaan penting tidak lama lagi. Walau bagaimanapun, hanya Mas Ayu sahaja yang dipanggil berhadapan dengan guru lelaki tersebut. Sedangkan, teman-teman Mas Ayu yang lain tidak pula diberi perhatian oleh Cikgu Ng. Situasi tersebut menunjukkan bahawa niat utama Cikgu Ng bukan untuk membantu memajukan pelajaran Mas Ayu, tetapi yang lebih penting kerana dia telah jatuh hati dan terpicat dengan pelajarnya sendiri. Berdasarkan situasi ini, Mas Ayu tidak mengambil serius akan hal tersebut sehingga mengakibatkan dia perlu melindungi dirinya daripada bentuk-bentuk seksisme yang dikenakan oleh gurunya itu.

Di samping itu, hubungan Mas Ayu dengan kekasih pertamanya iaitu seorang gengster secara tidak sedar mengakibatkan Mas Ayu dieksploitasi dan ditindas. Kenyataan ini diperkukuhkan melalui tindakan kekasihnya yang telah meniduri Mas Ayu untuk kepuasan batinnya semata-matanya. Tidak dinafikan bahawa Mas Ayu turut merelakan perbuatan yang dilakukan kekasihnya itu. Ini kerana Mas Ayu turut mempunyai keinginan yang sama untuk rasa dikasihi dan disayangi daripada manusia yang bernama lelaki. Namun demikian, Mas Ayu tidak sedar bahawa maruahannya sebagai seorang wanita yang beragama Islam telah tercemar di tangan seorang lelaki yang menganggap Mas Ayu sebagai objek seks semata-mata. Sehingga, Mas Ayu menyalahkan dirinya di atas kematian kekasihnya itu apabila terlibat

dalam sebuah tragedi yang tidak disangka-sangka. Sedangkan, yang patut dikesali olehnya adalah tentang masa depannya apabila dia sudah dianggap tidak suci lagi. Walaupun bekas kekasihnya itu tidak boleh dipersalahkan seratus-peratus di atas apa yang terjadi, tetapi sikap lemah Mas Ayu membuatkan dia perlu berhadapan dengan bentuk-bentuk seksisme daripada bekas kekasihnya sendiri.

Seterusnya, penindasan wujud apabila bekas kekasih Mas Ayu yang bernama Nazri memandang serong kepada Mas Ayu hanya disebabkan pelawaannya untuk menghantar Mas Ayu pulang telah ditolak. Oleh itu, Nazri telah menyelar gaya hidup Mas Ayu adalah tersasar apabila bukan sahaja keluar bersama lelaki muda, malah turut melayani lelaki yang berusia sepertimana Encik Mc'Lyord. Tambahan pula, Nazri turut menuduh Mas Ayu yang berdampingan dengan lelaki berusia hanya disebabkan wang ringgit semata-mata. Bentuk diskriminasi ini jelas memperlihatkan bahawa Nazri melabel Mas Ayu sebagai wanita murahan dan materialistik. Pada masa yang sama, Nazri telah merendah-rendahkan martabat Mas Ayu sebagai seorang wanita Melayu yang beragama Islam di tempat umum iaitu di lapangan kapal terbang. Seinggakan, seorang wanita secara tidak sengaja telah mendengar tuduhan Nazri kepada Mas Ayu yang akhirnya menyebabkan dia menoleh dan melihat pertelingkahan kedua-dua pasangan ini. Meskipun, tiada bentuk penindasan fizikal, namun penindasan dari sudut emosi ini sudah pun membuatkan Mas Ayu tertekan, geram dan sakit hati. Walaupun begitu, hal tersebut tetap tidak membuatkan Mas Ayu melakukan seksisme terhadap Nazri.

Selanjutnya, eksploitasi juga hadir dalam hubungan Mas Ayu dengan Imran yang merupakan abang kandung kepada Jalil. Imran telah mengambil kesempatan ke atas Mas Ayu dengan menyelinap masuk ke bilik wanita itu. Walaupun tiada kekerasan seksual yang berlaku terhadap Mas Ayu, namun tindakan dan perbuatan Imran adalah dikategorikan sebagai berkhalwat. Bukan setakat itu sahaja, apabila Mas Ayu menjadi tetamu kepada keluarga Imran, pemuda tersebut sekali lagi mencerooboh masuk ke bilik tetamu yang diduduki Mas Ayu tanpa kebenaran. Sebelum itu, mereka juga telah terlanjur berzina yang akhirnya menyebabkan Mas Ayu hamil, hasil hubungannya dengan Imran. Walaupun begitu, dia yang hamil telah merahsiakan daripada pengetahuan lelaki tersebut. Dalam hal ini, Mas Ayu turut melakukan penindasan terhadap Imran dengan mengecewakan perasaan lelaki tersebut yang benar-benar jatuh cinta kepadanya. Tindakan tersebut dilakukan apabila dia seringkali diingatkan ibunya tentang 'sumpahan' yang berlaku dalam keluarga kecil mereka. Oleh itu, adalah didapati bukan sahaja Mas Ayu yang perlu berhadapan dengan seksisme yang dikenakan Imran kepadanya, tetapi Mas Ayu secara tidak sedar turut melakukan seksisme terhadap Imran.

Perkara sama juga berlaku dalam hubungan Mas Ayu dengan Jalil apabila Jalil sengaja mengeksploitasi Mas Ayu dengan membawa wanita tersebut ke banglo miliknya. Hubungan mesra yang terjalin itu sebenarnya menghampiri zina. Apatah lagi, dalam banglo tersebut hanya didiami oleh Jalil seorang. Walaupun begitu, Mas Ayu juga melakukan eksploitasi terhadap lelaki ini apabila mengahwini Jalil bertujuan untuk menyelamatkan kekasihnya, Imran agar tidak ditimpa malapetaka sepertimana kekasih-kekasihnya sebelum ini. Hal ini demikian kerana Mas Ayu tidak mahu Imran mati kerana dia terlalu mencintai lelaki terbabit. Secara tidak langsung, menyelamatkan ibunya, Aton yang sering menyalahkan diri di atas semua yang terjadi. Pada masa yang sama, akibat hubungan zina dengan Imran, Mas Ayu telah hamil anak 'luar nikah'. Jalil hanya mengetahui kebenaran tersebut selepas wanita tersebut menceritakan perkara sebenar kepadanya ketika Mas Ayu bertarung nyawa melahirkan bayi sulungnya. Secara jelasnya, selama ini Jalil banyak tertipu dengan helah daripada Mas Ayu. Dengan itu, walaupun Mas Ayu adalah mangsa keadaan tetapi dia turut memangsakan Jalil hanya semata-mata untuk menyelamatkan orang-orang yang disayanginya.

Seterusnya, hubungan Mas Ayu dengan Encik Mc'Lyord terjalin selepas Mas Ayu berhijrah ke bandar. Encik Mc'Lyord sudah acap kali membawa Mas Ayu keluar bersiar-siar, tanpa mengira bahawa wanita tersebut tiada hubungan mahram dengannya. Mereka juga

didapati berdua-duaan dalam acara makan malam di rumahnya tanpa ditemani rakan-rakan atau ahli keluarga kepada Mas Ayu. Walau bagaimanapun, apabila anaknya iaitu Maria pulang, Encik Mc' Lyord tidak mempertahankan Mas Ayu daripada menjadi mangsa hinaan. Akhirnya, Mas Ayu memohon izin untuk pulang kerana dia tidak mahu mencetuskan sebarang pergaduhan. Secara terang-terangan, tindakan yang dilakukan Encik Mc'Lyord bukan dalam bentuk kekerasan sehingga memberi kecederaan dan kesakitan kepada Mas Ayu. Namun begitu, tindakan Encik Mc'Lyord yang disengajakan atau tidak itu menyumbang kepada bentuk seksisme yang perlu dihadapi oleh Mas Ayu.

Masyarakat

Hubungan Mas Ayu dengan masyarakat juga tidak terlepas daripada berhadapan dengan seksisme. Diskriminasi keturunan antara bentuk seksisme yang dihadapi oleh Mas Ayu disebabkan dirinya adalah anak 'luar nikah'. Maka disebabkan statusnya itu, kebajikan yang dilakukan oleh Mas Ayu untuk mendirikan klinik di kampungnya dipertikai dan dipersoalkan terutamanya berkaitan dengan sumber pembiayaan dan latar belakang Mas Ayu sendiri. Maruah Mas Ayu juga dipandang mudah apabila segelintir masyarakat kampung secara terbuka membuka aibnya dengan memperkatakannya asal-usulnya sebagai anak 'luar nikah'. Oleh itu, Mas Ayu bukan sahaja berhadapan dengan penindasan emosi yang disebabkan oleh pandangan serong dan kata-kata nista masyarakat. Pada masa yang sama, Mas Ayu turut berhadapan dengan perbuatan-perbuatan ekstrem dan melampaui batas. Hal ini demikian kerana klinik yang masih dalam rangka pembinaan, telah dikhianati oleh segelintir masyarakat kampung iaitu Kasim dan Lazim yang bertindak mahu memusnahkan hasil usaha Mas Ayu selama ini. Ibunya, Aton juga hampir menjadi mangsa korban di atas perbuatan mereka. Tidak syak lagi bahawa terlalu banyak bentuk-bentuk seksisme yang perlu dihadapi oleh Mas Ayu. Biarpun begitu, dia tidak pula bertindak untuk melindungi dan mempertahankan diri dengan mengambil jalan yang keji sebagaimana yang dilakukan sebahagian masyarakat kepadanya.

Walaupun begitu, Mas Ayu masih lagi mendapat sokongan yang tidak berbelah bahagi daripada ketua kampung iaitu Tuan Haji Samsuddin dan ahli-ahli jawatankuasa penduduk yang lain. Misalnya, usul dan cadangan Mas Ayu untuk membantu meneruskan pembinaan klinik yang terbengkalai di sambut baik oleh mereka. Mereka amat berterima kasih dengan usaha dan sumbangan Mas Ayu, memandangkan di kampung tersebut tidak mempunyai kemudahan hospital ataupun klinik. Kebanyakan orang-orang kampung yang terdiri daripada golongan marhaen terpaksa mendapatkan rawatan di hospital yang jauh di bandar. Hal tersebut sudah pasti memberi tekanan kepada masyarakat kampung yang memerlukan sumber kewangan yang banyak apabila setiap kali perlu mendapatkan rawatan. Disebabkan itu, ketua kampung tidak mempersoalkan status silam Mas Ayu sebaliknya mengambil kira kesungguhan wanita itu yang berhasrat untuk berkongsi manfaat dengan seluruh masyarakat kampung. Oleh yang demikian, didapati bahawa sebahagian masyarakat kampung sangat menghargai dan menghormati Mas Ayu sepertimana anggota masyarakat yang lain. Biarpun mereka mengetahui tentang asal-usul sebenar Mas Ayu, tetapi mereka tidak menghalang untuk Mas Ayu terus berbakti di kampung kelahirannya.

KESIMPULAN

Secara konklusi, watak protagonis wanita ini berhadapan dengan bentuk-bentuk seksisme seperti diskriminasi, eksploitasi dan penindasan. Walau bagaimanapun, bentuk-bentuk seksisme tersebut lebih banyak berlaku dalam hubungannya dengan lelaki berbanding hubungannya dengan wanita. Hal ini demikian kerana dalam hubungannya dengan wanita, hanya seorang sahaja yang melakukan seksisme kepadanya. Sedangkan dalam hubungannya dengan lelaki, dia perlu berhadapan dengan seksisme tidak kurang daripada 10 individu. Selain

itu, dapatan turut mendedahkan bahawa biarpun Mas Ayu berhadapan dengan bentuk-bentuk seksisme, dia juga pada masa yang sama turut melakukan seksisme kepada orang lain iaitu dalam hubungannya dengan dua lelaki. Mas Ayu yang sememangnya tidak mempunyai pilihan, terpaksa mengecewakan perasaan seorang lelaki, selain turut memangsakan seorang lagi lelaki lain demi menyelamatkan dan membahagiakan orang-orang yang tersayang. Dapatan mengesahkan bahawa struktur institusi sosial iaitu keluarga yang berasaskan sistem patriarki yang lemah, tidak terkawal dan mementingkan diri akhirnya menjadi penyebab kepada Mas Ayu yang perlu berhadapan dengan bentuk-bentuk seksisme. Oleh itu, tidak hairanlah jika tindakan Mas Ayu adalah menyimpang daripada norma-norma masyarakat Melayu dan ketetapan Islam kerana wujudnya tekanan seksisme daripada individu dan masyarakat di sekelilingnya.

RUJUKAN

- Aishah@ Eshah Mohamed & Abd. Aziz Bidin. 2011. Wanita Melayu dan Tumbuhan Ubatan: Satu Analisis Budaya. *Jurnal Melayu*, 7, 121-146.
- Anon. 1995. U-Wei akui 'Black Widow' lembap. Dlm. *Berita Harian Online*, 2 Ogos. (Atas Talian). Muat Turun 1 Oktober 2018, dari eresources.nlb.gov.sg/.../Search?ST=1...
- Anon. 2013. Digelar Wanita Kontroversi. Dlm. *Utusan Online*, 2 Julai. (Atas Talian). Muat turun 10 November 2018, dari http://ww1.utusan.com.my/utusan/Hiburan/20130702/hi_07/
- A.Wahab Hamzah. 1994. Masihkah Bunga Desa dan Air Mata? Citra Wanita dalam Filem Melayu Kontemporari. *Dewan Budaya*, Ogos, 51-53.
- Bhasin, K. 2006. *What is Patriarchy*. New Delhi: Women Unlimited.
- Black Widow Wajah Ayu. 1994. Filem Cereka. Kuala Lumpur: HW Entertainment Design & Production.
- Chen, Nan Fei & Mawar Safei. 2017. Cinta: Komunikasi Emosi Wanita dalam Novel China dan Melayu. *Jurnal Melayu*, Isu Khas Disember, 334-353.
- Dutt, R. 2014. Behind the Curtain: Women's Representations in Contemporary Hollywood. Retrieved October 1, 2018 from <http://www.lse.ac.uk/media@lse/research/mediaWorking>
- Hanita Mohd. Mokhtar Ritchie. 2011. Negotiating Melodrama and The Malay Woman: Female Representation and The Melodramatic Mode in Malaysian – Malay Films From The Early 1990s-2009. Ph.D thesis, University of Glaslow.
- Hooks, B. 1993. Sisterhood: Political Solidarity between Women. In Kourany, J.A., Sterba J.P. & Tong, R., (Eds.). *Feminist Philosophies Problems, Theories, and Applications*. New York: Harvester Wheatsheaf, pp. 391-404.
- Lerner, G. 1989. *The Creation of Patriarchy*. Oxford University Press: New York.
- Mohd Ghazali Abdullah. 2005. Feminisme dalam Filem Melayu Kontemporari. *Jurnal Skrin Malaysia*, 2 (1), 29-44.
- Mohd Helmi Yusoh & Jamaluddin Aziz. 2018. Pemerksaan Watak Wanita dalam Filem Berunsurkan Islam: Kajian Kes "Ketika Cinta Bertasbih". *Gema Online*, 18(1), 140-160.
- Nash, M. L. 1994. The Woman's Film, the New Women's Cinema, and the Women's Buddy Film. MA thesis, The University of British Columbia.
- Ngo, Sheau Shi. 2003. *The Construction of Sexual Difference in the Films of U-Wei Haji Saari: A feminist Psychoanalytic Analysis*. Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Ngo, Sheau Shi. 2010. Pembentukan Seksualiti dalam filem U-Wei Haji Saari: Satu Analisis Psikoanalitik Feminis Terhadap Filem Perempuan, Isteri &... Dlm Azman Azwan

- Azmawati, Mahyuddin Ahmad, Mustafa Kamal Anuar & Wang Lay Kim (Peny.). *Antologi Esei Komunikasi: Teori, Isu dan Amalan*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, hlm. 105-121.
- Nor Aida Mahmor & Nasihah Hashim. 2015. Citra Wanita Melayu dalam Cerita Animasi Kanak-Kanak Upin dan Ipin. *Journal of Education and Social Sciences*, 2, 137-149.
- Nor Suhada Roslan & Shaiful Bahri Md Radzi. 2017. Wanita Tiga Serangkai Dalam Syair Sultan Abdul Muluk Melalui Kritik Feminis Showalter. *Jurnal Melayu*, (16)2, 191-216.
- Nur Azliza Mohd Nor, Nur Afifah Vanitha Abdullah, Yusmilayati Yunos & Mohammad Nazri Ahmad. 2016. Seksisme dalam Black Widow-Wajah Ayu (1994) Arahan U-Wei Haji Saari. Kertas kerja, The Tenth International Malaysian Studies Conference, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Ogos.
- Nur Azliza Mohd Nor & Nur Afifah Vanitha Abdullah. 2017. Korpus Ilmu Filem-Filem U-Wei Haji Saari. Kertas kerja, *International Conference on Development, Environment and Society*, Universiti Malaysia Sarawak, Kuching, Ogos.
- Nur Azliza Mohd Nor & Nur Afifah Vanitha Abdullah. 2017. Filem Sebagai Wadah Komunikasi: Sorotan Kajian Lepas Karya U-Wei Haji Saari. *Jurnal Melayu*, Isu Khas, 304-317.
- Nur Azliza Mohd Nor & Nur Afifah Vanitha Abdullah. 2018. Self-Construal Watak Protagonis Wanita Sebagai Seorang Anak dalam Black Widow-Wajah Ayu (1994). Kertas kerja, *Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu Kali ke-10*, Universiti Malaysia Kelantan, Kota Bharu, Februari.
- Thielmann, P. 2000. Hotbeds: Black-White Love and Its Representations in Selected Contemporary Novels From The United States, Africa and The Caribbean. Ph.D thesis, The University Kansas.
- Viteo K.A. 2012. Day of The Woman?: Feminism & Rape-Revenge Films. MA thesis, The University of Western Ontario London, Canada.

Biodata Penulis:

Nur Azliza Mohd Nor merupakan calon Doktor Falsafah dalam program Pengurusan dan Persembahan Seni di Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaran Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nur Afifah Vanitha Abdullah ialah Pensyarah Kanan di Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaran Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau adalah drama dan teater.